

15 DEC 1997

Sidang-mata wang

ASEAN GESA IMF SEGERA STABILKAN MATA WANG

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asean, yang mengeluarkan kenyataan bersama pertama mereka mengenai krisis kewangan di Asia, hari ini menggesa Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) supaya segera bertindak untuk menstabilkan mata wang.

Mereka berkata usaha-usaha secepat juga perlu segera diambil termasuk mengenai peranan utama IMF, menahan kemerosoton mata wang dan mengembalikan kestabilan dalam pasaran mata wang.

Beliau berkata nilai mata wang terus merosot walaupun "asas-asas ekonomi negara serantau telah diperbetulkan dan diperbaiki melalui sokongan dan nasihat IMF."

"Ini telah menyebabkan kemerosoton serius ekonomi negara, perniagaan dan rakyat mereka," kata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di sini, hari ini.

Para pemimpin itu mahu IMF mempercepatkan kajian yang sedang dijalankan mengenai operasi tabung lindung nilai dan kesannya terhadap kegiatan pasaran kewangan dan "membuat cadangan penyelesaian untuk segera menstabilkan mata wang," katanya semasa membacakan kenyataan bersama itu pada persidangan berita di sini.

Sambil menyatakan kebimbangan para pemimpin berhubung keadaan kewangan itu, Dr Mahathir membacakan sebahagian daripada kenyataan itu sebanyak dua kali sebelum para pemimpin itu meneruskan Sidang Kemuncak Asia Timur pertama yang dikenali sebagai sidang kemuncak Asean Campur 3 dengan China, Jepun dan Korea Selatan.

Kajian mengenai tabung lindung nilai sedang dijalankan oleh IMF sebagai sebahagian daripada analisis mendalam mengenai struktur pasaran kewangan secepat dan aliran modal jangka pendek.

Para pemimpin itu menggesa usaha-usaha peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa yang lebih besar termasuk negara-negara utama seperti Kesatuan Eropah, Jepun, Amerika Syarikat dan institusi kewangan antarabangsa "untuk mengatasi keadaan itu secepat mungkin dan menangani isu-isu bersistem yang mendasarinya."

Mereka juga menekankan bahawa negara-negara Asean perlu kekal bersatu dan menunjukkan keazaman dalam bertindak terhadap cabaran yang timbul daripada keadaan mata wang sekarang.

Krisis kewangan itu menyebabkan Thailand, Indonesia dan Korea Selatan mendapatkan pakej bantuan berjumlah AS\$100 bilion daripada IMF tetapi terdapat kebimbangan terhadap senario yang semakin buruk itu dan kemungkinan pakej bantuan IMF tidak mencukupi untuk menstabilkan keadaan itu.

Para pemimpin itu pada masa yang sama menerima perjanjian menteri-menteri kewangan Asean mengenai pelaksanaan awal Rangka Kerja Manila bagi meningkatkan pengawasan serantau dan menyokong langkah-langkah mengukuhkan keupayaan IMF untuk bertindak terhadap krisis kewangan.

Mereka juga menyokong penuh komitmen menteri-menteri kewangan itu bagi memastikan asas-asas ekonomi yang kukuh dan menguatkan sektor kewangan.

Mereka turut bersetuju dengan keputusan menteri-menteri kewangan itu untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemilih yang mempunyai sekretariat tetap, dibantu oleh Bank Pembangunan Asia dan bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kewangan antarabangsa bagi membangunkan mekanisme pengawasan serantau.

Ini akan menekankan usaha-usaha pencegahan bagi mengelakkan kemunculan risiko yang boleh memburukkan lagi krisis itu.

Para pemimpin itu juga bersetuju mengenai pentingnya mempunyai ekonomi yang kukuh, dasar dan perubahan kewangan bagi menguatkan keupayaan Asean dalam menangani dengan berkesan cabaran-cabaran liberalisasi.

Dengan menegaskan komitmen mereka untuk membuka perdagangan dan pelaburan menerusi Kawasan Perdagangan Bebas Asean, Kawasan Pelaburan Asean dan skim Kerjasama Perindustrian Asean.

"Mereka juga bersetuju bahawa memandangkan keadaan pada masa ini, semua usaha perlu dibuat bagi mengetepikan halangan perdagangan dan menggalakkan perdagangan dan pelaburan lebih besar antara Asean," kata kenyataan itu.

Para pemimpin itu turut menggesa pihak berkuasa pasaran modal Asean supaya mempercepatkan langkah-langkah bagi menggalakkan pembiayaan projek-projek infrastruktur di Asean menerusi projek-projek di Asean menerusi pasaran modal Asean. -- BERNAMA

TM NAK